

17/07/1997

Seri Paduka, PM ucap tahniah pada Saddam

KUALA LUMPUR, Rabu - Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar mengirinkan perutusan tahniah kepada Presiden Iraq Saddam Hussein sempena sambutan Hari Kebangsaan negara itu kali ke-29.

Dalam perutusan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra hari ini, Yang di-Pertuan Agong melahirkan harapan agar hubungan persahabatan dan kerjasama sedia terjalin antara kedua-dua negara dipertingkatkan lagi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengirinkan ucapan yang serupa kepada Presiden Saddam dengan harapan rakyat Iraq akan menikmati kesejahteraan yang berlipat ganda pada tahun-tahun akan datang.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dalam ucapan tahniah kepada rakan sejawatannya Muhammad Saeed As-Sahaf melahirkan keinginan Malaysia untuk mengukuhkan lagi hubungan kerjasama kedua-dua negara. - Bernama

(END)